

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (5)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 05 TAHUN 2013**

Tarikh : 28 Mei 2013 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.45 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Arumugam a/l Kalimuthu | - | " |
| 5. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 6. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | " |
| 7. | Encik Mohd Nasir bin Yusof | - | " |
| 8. | Puan Norhesni binti Ismail | - | " |
| 9. | Encik Sapiyan bin Mohd. Din | - | " |
| 10. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 11. | Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 12. | Encik Sufari bin Tinnin | - | " |
| 13. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 14. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 15. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 16. | Encik Muzammil bin Hafiz | - | " |
| 17. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 18. | Puan Sazana binti Isa | - | " |
| 19. | Encik Chang Kim Loong, AMN | - | " |
| 20. | Encik Cheah Sang Soon | - | " |
| 21. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 22. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-------------------|---|-------------|
| 1. | Dr. Loi Kheng Min | - | Ahli Majlis |
|----|-------------------|---|-------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd. Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Ismail bin Shafie
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
7. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
10. Encik Norjafni bin Zainuddin
Pengarah, Jabatan OSC
11. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
13. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

14. Encik Zahiruddin bin Hashim
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
15. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Pengarah, Jabatan Bangunan
16. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
17. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
18. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
22. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
23. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
24. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
25. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
26. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat

28. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
29. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
30. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
31. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
32. Puan Aziana binti Mohamad Aripin
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
33. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
34. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Cik Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
38. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
39. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
40. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
41. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

42. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
43. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
44. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
45. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
46. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
47. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
48. Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
49. Diana binti Mohamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
50. Mohd Khairul Faiz bin Hairuddin
Penolong Pegawai Penilaian, Jabatan COB
51. Encik Muhd Nik Fariz bin Sirat
Penolong Pegawai Penilaian, Jabatan COB
52. Siti Syarezza binti Mohd Hisham
Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan COB

URUSETIA

1. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Habibah binti Ab.Manap
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Nasir Bin Yusof, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 05/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 Majlis Hi-Tea MPSJ Bersama Sektor Korporat 2013

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menganjurkan Majlis Hi-Tea MPSJ Bersama Sektor Korporat 2013 dengan jayanya pada 17 Mei 2013 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MPSJ.

Objektif penganjuran ialah:

- i. Menjalinkan dan meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan baik MPSJ dengan pihak sektor korporat dan entiti perniagaan.
- ii. Mendapatkan maklumbalas dan cadangan daripada pihak sektor korporat dan entiti perniagaan dalam usaha MPSJ menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan.
- iii. Menjalinkan kerjasama bagi program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Majlis ini telah dihadiri oleh 70 orang wakil dari pelbagai sektor korporat dan entiti perniagaan seperti pemaju, pihak hotel, bank, kompleks membeli belah dan syarikat-syarikat swasta. Program ini akan diadakan secara berkala bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

2.2 Program Remaja Kota Turun Ke Desa

Program ini diadakan dalam usaha pihak Majlis untuk memberi suatu pengalaman baru kepada golongan remaja dan belia kawasan bandar khususnya untuk merasai kehidupan dan suasana di desa. Melalui program ini juga ianya akan mendekatkan hubungan masyarakat kota dan desa dan menggalakkan aktiviti pelancongan dalam negeri Selangor. Program ini akan diadakan pada 07 – 09 Jun 2013 (Jumaat – Ahad) bertempat di Banghuris Homestay, Sepang.

2.3 Perasmian Bangunan Kompleks 3C

Kompleks 3C (Children Creativity Centre) MPSJ telah dibuka kepada umum mulai 01 Ogos 2006 dengan menyediakan pelbagai program dan aktiviti untuk golongan kanak-kanak, remaja dan juga dewasa. Semenjak dibuka pada tahun 2006, Kompleks 3C belum pernah dirasmikan secara rasmi. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis bercadang untuk mengadakan Majlis Perasmian bangunan tersebut pada 15 Jun 2013 (Sabtu), jam 9.30 pagi bertempat di Kompleks 3C, Bandar Sunway. Tetamu Kehormat iaitu YAB Dato' Menteri Besar Selangor dijangka akan hadir untuk merasmikan Bangunan Kompleks 3C ini.

2.4 Karnival @ 3C

Sempena perasmian Bangunan Kompleks 3C, pihak Majlis telah merangka pelbagai program dan aktiviti untuk menarik lebih ramai pengunjung bagi memeriahkan lagi program yang diadakan dan yang paling utama adalah untuk memperkenalkan dan mempromosikan kepada komuniti luar berkenaan pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan di Kompleks 3C. Program Karnival @ 3C ini akan diadakan pada 14 - 16 Jun 2013 (Jumaat – Ahad), bermula jam 9.00 pagi – 11.00 malam bertempat di Kompleks 3C, Bandar Sunway.

Pelbagai aktiviti akan diadakan dan disediakan untuk pengunjung di antaranya ialah;

- i. Pertandingan Futsal Kanak-kanak
- ii. Open Day Pusat Perkembangan Kanak-Kanak 3C
- iii. Pertandingan Wall Climbing
- iv. Pertandingan Memasak
- v. Pertandingan Bayi Sihat
- vi. Bengkel *Grooming*
- vii. Basketball 3 on 3
- viii. *Paintball*
- ix. *Home Gardening*
- x. Tayangan Amal Bola Kampung The Movie
- xi. Pertandingan *Unplugged*
- xii. Indoor Games
- xiii. Sanggar Budaya @ 3C
- xiv. Senam Tari
- xv. Pertandingan Azan
- xvi. Pertandingan Membaca Khutbah
- xvii. *Inflatable Playground*
- xviii. *Mobile Car & Motorcycle* Kanak-kanak
- xix. Pertandingan Karaoke
- xx. *Computer Games Challenges*
- xxi. Pameran Kereta 4x4
- xxii. Pertandingan Menghias Kek Kanak-Kanak
- xxiii. Pertandingan Mewarna Bersama KFC
- xxiv. Treasure Hunt
- xxv. Gerai Jualan dan Pameran

2.5 Program Pemutihan Binaan 'Awning', 'Ramp' Dan Penutup Longkang Bangunan Komersial (Rumah Kedai / Kedai Pejabat / Kilang)

Pihak Majlis menghadapi masalah untuk menjalankan kerja-kerja mencuci dan membersihkan longkang premis bangunan komersial seperti rumah kedai, kedai pejabat dan kilang disebabkan pemilik – pemilik bangunan berkaitan telah menutup longkang mereka dengan binaan 'slab' konkrit atau struktur besi.

Selain daripada itu, pihak Majlis mendapati kebanyakan pemilik – pemilik bangunan berkaitan juga telah membina ‘ramp’ dan ‘awning’ terutamanya di bahagian hadapan dan sisi bangunan sehingga menimbulkan masalah tempat letak kereta dan halangan trafik.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis bercadang untuk melaksanakan program ‘memutihkan’ binaan-binaan ini melalui pengeluaran permit sementara secara tahunan ke atas binaan-binaan berkaitan. Kertas kerja cadangan dan tempoh pelaksanaan program pemutihan ini berserta kadar fi permit sementara ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 12/2012 pada 22 Jun 2012.

Fasa pertama penyerahan notis mengarahkan pemilik – pemilik kedai pejabat dan rumah kedai mengemukakan permohonan permit sementara ini telah dimulakan sejak bulan Ogos 2012 lagi secara berperingkat-peringkat. Tempoh akhir untuk pemilik-pemilik bangunan berkaitan menyerahkan permohonan mereka adalah pada 31 Mei 2013.

Fasa kedua program pemutihan ini akan melibatkan bangunan-bangunan kilang dan industri akan dilaksanakan bermula dari bulan Jun 2013 dan pemilik – pemilik premis dikehendaki mengemukakan permohonan permit sebelum 31 Disember 2013. Pihak MPSJ telah menyediakan pelan setara (*standard plan*) dengan kadar fi permit sementara adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Struktur	Jarak / Luas Struktur	Kadar Fi Permit
1.	Penutup Longkang / Konkrit / Besi	10 kaki panjang	RM 100.00
2.	‘Ramp’ Konkrit” / Besi	8 kaki lebar	RM 100.00
3.	‘Awning’ - ‘Tiles” / Kanvas / ‘Membrane’	10 kaki panjang x 5 kaki lebar	RM 200.00

Setakat ini sebanyak 4,474 notis telah dikeluarkan kepada pemilik – pemilik bangunan komersial rumah kedai / kedai pejabat dan sebanyak 90 permohonan permit telah diterima dan diluluskan.

2.6 Laporan Demam Denggi

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 20 (iaitu sehingga 18 Mei 2013) adalah sebanyak 382 kes dilaporkan dan sebanyak 184 kes disahkan positif. Buat masa ini tiada kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ. Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan kempen 10 minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

Sehubungan dengan itu, di dalam usaha meningkatkan kerjasama dan kesedaran penduduk di dalam menangani masalah denggi di kawasan pentadbiran MPSJ, bermula pada 01 Jun hingga 31 Julai 2013, pihak Majlis TIDAK AKAN mengeluarkan kompaun pembiakan aedes di dalam kawasan premis.

Dengan pendekatan ini diharapkan penduduk akan memberikan kerjasama yang lebih baik kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Kesihatan MPSJ khususnya ketika aktiviti pemeriksaan pembiakan aedes dijalankan di premis-premis mereka. Pihak Majlis akan memberi lebih penekanan kepada aspek pendidikan kesihatan terutama bagaimana untuk melaksanakan Kempen 10 Minit.

Selepas 31 Julai 2013, analisa akan dibuat untuk melihat sama ada kerjasama dan kesedaran penduduk semakin meningkat atau sebaliknya dan sama ada terdapat penurunan kes denggi di kawasan pentadbiran MPSJ. Sekiranya kerjasama dan kesedaran penduduk masih tidak memuaskan, aktiviti penguatkuasaan (kompaun dan tindakan mahkamah) akan dilaksanakan semula.

2.7 Bayaran Khas SELANGORU Tahun 2013

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-13 / 2013 yang bermesyuarat pada 03 April 2013 telah meluluskan cadangan pemberian Bayaran Khas kepada semua anggota yang berkhidmat di Jabatan / Agensi Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atas komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing selaras dengan visi dan misi Kerajaan Negeri Selangor.

Berdasarkan cabutan minit keputusan MMKN berkenaan, Pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri berpandangan bahawa Ahli Majlis yang berkhidmat di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga layak dipertimbangkan untuk menerima Bayaran Khas Selangorku Tahun 2013 ini memandangkan peranan dan penglibatan dalam urus tadbir di peringkat Kerajaan Tempatan.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 04/2013 BERTARIKH 24 APRIL 2013.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04/2013 bertarikh 24 April 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Program Pemutihan Binaan 'Awning', 'Ramp' Dan Penutup Longkang Bangunan Komersial

Encik Tai Cheng Heng memohon supaya diadakan sesi penerangan berhubung program pemutihan ini. Beliau turut mencadangkan supaya pihak Majlis mengkaji semula kadar fi yang telah ditetapkan untuk permit sementara ini dan memohon supaya tarikh penguatkuasaan program ini ditangguhkan ke satu tarikh yang lebih sesuai.

Tindakan : Jabatan Bangunan

4.2 Geran Selangorku Untuk Kerja-Kerja Pembaikan Kemudahan / Peralatan Sukan

Encik Loka Ng Sai Kai memohon makluman status terkini berkenaan Geran Selangorku untuk kerja-kerja pembaikan kemudahan / peralatan sukan di kawasan MPSJ. Beliau turut meminta supaya Jabatan Pembangunan Masyarakat memberikan sesalinan senarai permohonan tersebut kepada Ahli Majlis sebagai rujukan.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.3 Cadangan Meningkatkan Keperluan Kajian Traffic Impact Assessment 'TIA'

4.3.1 Encik Chang Kim Loong mencadangkan supaya pihak Majlis melantik panel perunding berkecuali untuk menjalankan kajian secara menyeluruh bagi traffic impact assessment 'TIA' di kawasan MPSJ. Ini akan menjadikan MPSJ sebagai PBT pertama yang mempunyai panel perunding professional yang berkecuali dalam menjalankan kajian traffic impact assessment 'TIA' bagi setiap kawasan pembangunan di MPSJ. Perkara ini perlu diberikan perhatian yang sewajarnya bagi mengelakkan hasil kajian trafik tersebut lebih berpihak kepada pihak pemaju.

4.3.2 Beliau seterusnya mencadangkan supaya pihak Majlis mempamerkan hasil kajian lalulintas dan pengangkutan jalan yang telah disiapkan untuk memberikan maklumat dan pendedahan awam kepada penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ. Beliau turut mencadangkan supaya pihak Majlis menyediakan pelan pembangunan terancang yang meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran MPSJ.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 09/2013 Bertarikh 07 Mei 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersejua** **menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 9.2.2 m.s 109	En. Chia Yew Ken	Banglo Di Taman Sunway Utama	<p><u>Pindaan Minit :</u> Beliau memaklumkan alamat sebenar adalah di 'PJS 9/1A, Taman Sunway Utama' bukannya 'PJS 9/18, Taman Sunway Utama'.</p> <p>Beliau seterusnya meminta pihak Majlis mengambil tindakan segera terhadap isu dua unit rumah banglo hakmilik koperasi yang dijadikan sebagai rumah tumpangan dan menjalankan aktiviti keraian dan keramaian yang telah menyebabkan kacauganggu awam di Taman Sunway Utama, Bandar Sunway.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi meminta Jabatan Perancang Bandar mengadakan perbincangan bersama pemilik premis berkenaan dengan kadar segera bagi menangani isu ini.</p> <p>Tuan Pengerusi juga bersetuju supaya Encik Chia Yew Ken dan Encik Chang Kim Loong dijemput sama bagi menghadiri perbincangan ini.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 10/2013 Bertarikh 21 Mei 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan
Bil. 05/2013 Bertarikh 09 Mei 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan
Korporat Bil. 05/2013 Bertarikh 09 Mei 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 05/2013
Bertarikh 10 Mei 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 8.2.4 m.s 26	En. Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen	Kesesakan Lalulintas Dari Tol LDP Sunway Hingga Ke BK 3, Bandar Kinrara	<p>Beliau memohon satu mesyuarat diadakan di antara pihak Majlis dan LDP berikutan kesesakan lalulintas yang teruk dari Tol LDP Sunway hingga ke BK 3, Bandar Kinrara.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan segera bagi mencari alternatif untuk mengatasi isu ini.</p> <p>Sehubungan dengan itu, kajian trafik yang sedang dijalankan oleh pihak perunding akan dipanjangkan merangkumi kawasan lebuhraya yang merentasi kawasan MPSJ bagi mengenalpasti faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kesesakan trafik di seluruh kawasan MPSJ.</p> <p>Seterusnya hasil kajian trafik tersebut akan dibentangkan di</p>

				peringkat Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya.
2	para 8.3.1 m.s 26	En. Tai Cheng Heng	Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Besar Di Seri Kembangan	<p>Beliau memohon penjelasan mengenai status terkini kerja-kerja menaiktaraf Jalan Besar di Seri Kembangan yang didapati kerja-kerja tersebut telah dihentikan oleh pihak kontraktor yang terlibat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan Kejuruteraan selaraskan maklumat terkini berkaitan perkara ini dengan pihak JKR Selangor.</p>
3	Hal-Hal Lain	En. Loka Ng Sai Kai	Longkang Pecah Di Jalan Kenari 19, Bandar Puchong Jaya	<p>Beliau memaklumkan terdapat longkang pecah di Jalan Kenari 19, Bandar Puchong Jaya.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan segera berhubung perkara ini.</p>

4	Hal-Hal Lain	En. Chang Kim Loong	Keretakan Jalan Di Bandar Puteri 11	<p>Beliau memaklumkan terdapat keretakan jalan di Bandar Puteri 11. Sehubungan dengan itu, satu lawatan turun padang bersama YB. Ng Sze Han akan diadakan bagi meninjau masalah berkenaan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi meminta Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancang Bandar menyelaraskan tarikh untuk lawatan turun padang bersama YB. Ng Sze Han bagi mengambil tindakan segera berhubung isu ini.</p>
---	--------------	---------------------	-------------------------------------	--

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 05/2013 Bertarikh 13 Mei 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 05/2013 Bertarikh 20 Mei 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 05/2013 Bertarikh 20 Mei 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Muzammil bin Hafiz	Isu Pengurusan Sampah Industri	Beliau memohon supaya pihak Majlis membuat kajian dan memikirkan kaedah yang sesuai bagi mewujudkan satu mekanisma yang bersepadu berhubung isu pengurusan dan pembuangan sampah industri yang boleh diselaraskan dengan Undang-Undang Kecil Pelesenan supaya ia lebih teratur dan tidak membebankan pihak Majlis.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi meminta Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar berkerjasama bagi mencari kaedah dan alternatif yang sesuai dalam menguruskan perkara ini.</p> <p>Pihak Jabatan seterusnya diminta mengkaji semula Undang-Undang Kecil dan syarat-syarat sedia ada untuk tujuan penambahbaikan bagi menguruskan perkara ini secara menyeluruh untuk tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pelesenan

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 04/2013 Bertarikh 21 Mei 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 6.1** Pengerusi Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

‘MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI’

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO’ ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA